

Inisiatif NKRA Atasi Jenayah Jalanan Diperluas Ke Jenayah Lain – Hishammuddin Bernama
12 Julai, 2012

PUTRAJAYA, 12 Julai (Bernama) -- Inisiatif yang diguna pakai di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi mengatasi kes-kes jenayah jalanan di seluruh negara yang kini menunjukkan kejayaan akan diguna pakai untuk mengatasi masalah jenayah lain seperti kes pecah rumah dan penculikan.

Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata beliau akan berjumpa dengan empat Ketua Polis Negeri iaitu Johor, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan untuk membincangkan langkah yang perlu diambil di bawah inisiatif itu bagi mencegah jenayah di kawasan tumpuan penjenayah, termasuk kawasan letak kereta di pusat membeli belah.

Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar pula akan mengadakan pertemuan dengan Ketua Polis Daerah seluruh negara untuk mendapatkan input mengenai kejadian jenayah di kawasan masing-masing dan membincangkan langkah-langkah mengatasinya, katanya kepada pemberita di sini.

Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar akan mengadakan perbincangan dengan pihak swasta, termasuk pemilik pusat beli-belah dan lokasi lain yang menjadi kebimbangan orang ramai pada masa kini.

Beliau berkata antara cadangan untuk menangani kes jenayah di tempat letak kereta pusat membeli belah ialah dengan meningkatkan kawalan keselamatan termasuk meletakkan anggota sukarelawan seperti Ikatan Relawan Rakyat (Rela).

Hishammuddin berkata adalah mustahil untuk menempatkan anggota polis di semua tempat di seluruh negara, dan ia melibatkan kos untuk melatih anggota baru.

Oleh itu, penempatan anggota sukarelawan di tempat-tempat yang dikenalpasti dapat menjadi mata dan telinga polis, katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680209>